



UPM Jalin Kerjasama Penyelidikan Dengan Syarikat SRI International



Timbalan Presiden SRI International Steve Clesinski sedang memberikan penerangan kepada para penyelidik.

PUTRAJAYA, 22 Julai – Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) Universiti Putra Malaysia (UPM) telah bekerjasama dengan sebuah syarikat dari Amerika Syarikat iaitu SRI International menganjurkan kursus latihan yang bertajuk Disciplines Of Innovation (DOI) .

Kursus selama dua hari itu telah dihadiri seramai 15 penyelidik dari UPM yang masing-masing telah memiliki lebih daripada satu hasil penyelidikan atau paten.

Menurut Timbalan Pengerusi SRI International Steve Clesinski, kebanyakan institut pengajian tinggi (IPT) tempatan mempunyai kekuatan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) tetapi tidak mahir dalam bidang pengkomersialan .

"Sehubungan itu, SRI International akan membantu IPT ini dengan mencari pasaran yang sesuai untuk proses pengkomersialan hasil penyelidikan tersebut", katanya.

Steve berkata beliau amat kagum dengan kemajuan teknikal yang pesat serta kesungguhan para penyelidik UPM.

Pengarah ICC Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din berkata UPM adalah IPT pertama di Malaysia yang bekerjasama dengan syarikat SRI International.

"Oleh kerana hasil penyelidikan UPM bertaraf antarabangsa tetapi pasaran tempatan adalah terhad, dengan bantuan SRI International yang mempunyai rangkaian di seluruh dunia membolehkan UPM mampu menembusi pasaran pengkomersialan tersebut", katanya.

Beliau berkata melalui kursus ini para penyelidik akan didedahkan kepada kehendak pasaran antarabangsa dan diberi input tentang cara penghasilan produk yang lebih sofistikated dan mempunyai daya ketahanan di pasaran untuk jangka masa panjang.

"Kursus ini juga mampu mendorong para penyelidik daripada pelbagai bidang yang berbeza untuk dan berkongsi kepakaran menghasilkan produk dan teknologi bertaraf antarabangsa," katanya.



Salah satu aktiviti yang dijalankan oleh SRI.

Berita ini ditulis oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan BKK